**NAMA :....................................................................**

**TINGKATAN : ..........................................................**

# SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
# JABATAN PELAJARAN KELANTAN

# MODUL LATIH TUBI
# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
# 2013
# TASAWWUR ISLAM
# KERTAS 1
# SET 2
# 1 ¼ jam

**5226/1**

**Satu jam lima belas minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DI BERITAHU**

1. Kertas ini mengandungi **dua bahagian : Bahagian A** dan **Bahagian B.**
2. Jawab **semua** bahagian.
3. **Bahagian A** mengandungi **20** soalan. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 9 dalam kertas soalan ini.
4. **Bahagian B** mengandungi **20** soalan. Jawab semua soalan. Jawapan anda hendaklah di tulis pada ruangan jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
5. Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan **Bahagian A** dan 45 minit untuk **Bahagian B.**

| Untuk Kegunaan Pemeriksa | | | |
|---|---|---|---|
| Nama Pemeriksa : | | | |
| Bahagian | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| **A** | **1 - 20** | **20** | |
| **B** | **21 - 40** | **20** | |
| **Jumlah** | | **40** | |

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

**[ Lihat halaman sebelah**

**5226/ 1** (c) 2013 Hak cipta Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan

## Bahagian A
( 20 markah )

1. “ Kekuasaan Allah SWT meliputi langit dan bumi “

Pernyataan di atas menerangkan maksud
A. Syumuliyyyah
B. Rabbaniyyah
C. Rububiyyah
D. Uluhiyyah




2. X dalam rajah di atas ialah
A. al-Fatanah
B. al-Baladah
C. al-Dhalalah
D. al-Karamah

3. Manakah antara perkara berikut yang merosakkan ibadah.?

A. Takbur .
B. Ta’awun .
C. Tahmid
D. Takbir

4. Fungsi akal kepada manusia ialah
i. Berfikir perkara hak dan batil
ii. Berfikir menghadapi masalah
iii. Berfikir memajukan alam
iv. Berfikirkan tentang zat Allah SWT .

A. i , ii dan iii
B. ii , iii dan iv
C. i , iii dan iv
D. i , ii dan iv

**5226/ 1** (c) 2013 Hak cipta Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan

5. Pilih pernyataan yang benar mengenai maksud Islam sebagai ad-Di n .

A. Islam menolong ajaran sesat .
B. Islam hanya mementingkan kehidupan akhirat sahaja .
C. Islam adalah cara hidup yang lengkap dalam semua aspek .
D. Islam menggalakan umatnya hidup dengan aman dan sejahtera .

6 . Ciri hadis yang tidak boleh dijadikan asas akidah ialah

A. Gugur perawi dari sanad
B. Terpelihara dari sebarang illat
C. Diriwayatkan oleh seorang yang thiqah
D. Sanad bersambung terus kepada Rasulullah saw .

7. Antara yang berikut yang manakah **bukan** hikmat penetapan hukum sunat ?

A. Menghapus dosa-dosa kecil .
B. Menggalakkan melakukan ibadat .
C. Mendorong manusia menambah pahala .
D. Memberi kelonggaran untuk melakukan ibadat .

8. Contoh pengaruh luar yang boleh merosakkan pemikiran seseorang muslim ialah

A. mengamalkan budaya *rock .*
B. memakai pakaian yang ketat .
C. mengamalkan perubatan tradisional .
D. mempercayai kuasa pada tangkal azimat .

9. Pengharaman arak dalam Islam bertujuan untuk memelihara

A. keharmonian hidup bermasyarakat .
B. keselamatan negara dari serangan musuh .
C. kesempurnaan akal anugerah Allah SWT .
D. keselamatan harta dari diceroboh .

10. Ciri alam ghaib ialah

i. tidak boleh ditanggapi oleh pancaindera
ii. untuk menguji keimanan manusia kepada Allah SWT
iii. akal manusia mampu mengkaji kewujudannya
iv. kenikmatan yang diperolehi adalah bersifat kekal

A. i , ii dan iii
B. ii , iii dan iv
C. i , iii dan iv
D. i , ii dan iv

11. Cara utama seorang pelajar menghayati sifat rabbaniyyah ialah

A. melaksanakan tuntutan syarak .
B. bekerja bersungguh-sungguh .
C. beriman dengan rukun iman
D. berjihad dengan harta benda

12. Pilih situasi yang bersesuaian dengan konsep murunah

i. mewakilkan orang lain melontar jamrah bagi dirinya .
ii. menghimpunkan solat zuhur dengan asar ketika musafir .
iii. mempelbagaikan fesyen dengan menutup aurat .
iv. berpuasa walaupun memudharatkan diri .

A. i , ii dan iii
B. ii , iii dan iv
C. i , ii dan iv
D. i , iii dan iv

13. Hak-hak yang patuh diperolehi oleh rakyat dalam negara Islam ialah

i. hak untuk menyampaikan pendapat.
ii. hak untuk memilih pemimpin yang adil
iii. hak untuk mendapat kemewahan hidup.
iv. hak untuk melindungi kehormatan diri .

A. i, ii dan iii
B. i, ii dan iv
C. i, iii dan iv
D. ii, iii dan iv

14. Sumber penyelesaian masalah menurut Islam ialah

A. al-Quran – al-Ijmak – al-Hadis dan al-Qias .
B. al-Quran – al-Hadis – al-Qias dan al-Ijmak .
C. al-Quran –al-Qias – al-Ijmak dan al-Hadis .
D. al-Quran – al-Hadis – al-Ijmak dan al-Qias

15. Antara yang berikut manakah matlamat Negara Islam ?

A. Membentuk negara berasaskan syura .
B. Melantik seorang pemimpin yang adil .
C. Melaksanakan kebajikan kepada rakyat .
D. Melaksanakan pembangunan dalam negara .

| |
|---|
| Alias telah membeli satu komputer riba dengan sebuah syarikat yang telah mengenakan caj 2 % dari harga asal kerana membayar secara tertangguh . Setelah 3 bulan komputer tersebut telah rosak dan didapati kompunan dalam komputer tersebut terdiri dari barangan tiruan . |

16. Situasi di atas mengandungi unsur-unsur
    i. riba
    ii. rasuah
    iii. monopoli
    iv. manipulasi

    A. i dan ii
    B. i dan iv
    C. ii dan iii
    D. iii dan iv

17. ● Bekerja dengan tekun dan bersungguh-sungguh .
    ● Senantiasa mematuhi arahan pihak pentadbiran
    ● Berminat untuk meningkatkan produktiviti yang berkualiti

    Pernyataan di atas merujuk kepada
    A. Ciri-ciri pekerjaan menurut Islam
    B. Matlamat bekerja menurut Islam .
    C. Etika kerja menurut Islam
    D. Hikmat bekerja cara Islam .

18. Manakah antara pernyataan berikut **benar** mengenai fitrah beragama ?

    A. Ali sujud syukur apabila mendapat keputusan cemerlang dalam peperikaan .
    B. Ahmad sering melakukan ibadat setelah selamat dari kemalangan .
    C. Yusof menunaikan fardu haji di Mekkah apabila berumur 50 tahun .
    D. Seorang saintis memeluk Islam setelah kagum dengan hasil kajiannya .

19. " Pn Aminah telah menyerahkan barangan kemas miliknya kepada pihak bank untuk disimpan dan diuruskan dengan baik ".

    Pernyataan di atas merujuk kepada maksud
    A. al-Ijarah .
    B. al-Wadiah .
    C. al-Murabahah .
    D. al-Mudharabah .

20. Proses kejadian manusia bermula daripada
    A. Roh .
    B. Tanah .
    C. Adam a.s. .
    D. Air mani .

**Bahagian B**
( 20 markah )

*Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan .*

21. Sesuatu yang diterimakan dari Rasulullah s.a.w. sama ada berupa perkataan , perbuatan dan pengakuan .

22. Tempat menunggu sementara sebelum manusia dibangkit pada hari akhirat .

23. Kefahaman secara amali oleh mujtahid berdasarkan dalil-dalil syarak .

24. Satu ikatan teguh antara lelaki dengan perempuan melalui akad yang sah menurut syarak .

*Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawab yang sesuai .*

25. _______________ ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya .

26. Ahli majlis _________________ terdiri daripada ulama yang pakar dan berkemahiran dalam pelbagai bidang .

27. Hukum _______________ dikenakan terhadap jenayah yang melibatkan nyawa dan kecederaan anggota badan .

28. _________________ ialah harta yang diserahkan untuk faedah orang ramai yang berkaitan dengan agama Islam .

*Tandakan ( ✓) pada pernyataan yang* ***betul***
*Tandakan (* ***X*** *) pada ;pernyataan yang* ***salah***

29. Islam memberi kelonggaran kepada umatnya untuk berfesyen selagi tidak menyalahi ketetapan syarak .

30. Akal manusia hanya mampu memikirkan perkara wujud di alam musyahadah sahaja ..

31. Harta yang dimiliki oleh manusia diberi kebebasan untuk menggunakannya tanpa batasan .

32. Cara penyelesaian masalah dalam Islam hanyalah perlu merujuk kepada al-Quran semata-mata .

*Lengkapkan jadual berkaitan dengan pembubaran perkahwinan untuk soalan* ***33*** *dan* ***34*** *.*




*Penuhkan jadual berikut berkaitan dengan hak milik harta untuk soalan* ***35*** *dan* ***36.***




*Lengkapkan keterangan mengenai elemen-elemen penting dalam pembetukan negara Islam* :
( Untuk soalan **37** hingga soalan 40 )

**Elemen-elemen penting dalam pembetukan negara Islam ialah :**

- Wilayah
- Ketua Negara
- Badan Kehakiman

37. ____________________________

38. ____________________________

39. ____________________________

40. ____________________________

| Markah Bahagian B |
|---|
| |

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**KERTAS JAWAPAN**
**Bahagian A**

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | A | B | C | D | 11 | A | B | C | D |
| 2 | A | B | C | D | 12 | A | B | C | D |
| 3 | A | B | C | D | 13 | A | B | C | D |
| 4 | A | B | C | D | 14 | A | B | C | D |
| 5 | A | B | C | D | 15 | A | B | C | D |
| 6 | A | B | C | D | 16 | A | B | C | D |
| 7 | A | B | C | D | 17 | A | B | C | D |
| 8 | A | B | C | D | 18 | A | B | C | D |
| 9 | A | B | C | D | 19 | A | B | C | D |
| 10 | A | B | C | D | 20 | A | B | C | D |

| BAHAGIAN A |
|---|
| |

**5226/ 1** (c) 2013 Hak cipta Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan